

Headline	Menyelak pemikiran Rejab F.I		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	13 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	459,793
Page No	22	Readership	1,854,000
Language	Malay	ArticleSize	493 cm ²
Journalist	HASSAN BASERI BUDIMAN	AdValue	RM 11,044
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,132



Menyelak pemikiran Rejab F.I

Beliau bukan sahaja berbakat menghasilkan cerpen, novel dan sajak malah berkebolehan menulis skrip drama televisyen yang semuanya digubah dengan bersumberkan kehidupan masyarakat sekelilingnya.

Oleh HASSAN BASERI BUDIMAN

SEBENARNYA bukan ramai penulis kreatif tanah air, yang pemikiran mereka di dalam karya berpeluang diselak oleh para pengkaji sastera. Beberapa hal yang barangkali boleh menjadi penghalang kepada usaha ini mungkin datangnya daripada kekurangan badan sastera yang sanggup menjadi penganjur dan penaja kepada majlis untuk memperkatakan pemikiran penulis-penulis kita ini.

Tambahan pula penulis kreatif tanah air kini sudah semakin bertambah bilangannya dari masa ke masa, maka tentunya kekangan besar yang harus dihadapi oleh badan sastera yang walaupun mahu menganjurkan sebarang perbincangan atau seminar pemikiran penulis, harus pula berhati-hati memilih tokoh-tokoh yang terhebat dalam kalangan mereka ini.

Justeru, tidak harus ada penulis yang akan berasa kecil hati kalau hasil buah fikiran mereka di dalam karya tidak pernah pun dibicarakan oleh mana-mana pengkaji dan pengkritik sastera. Alasannya mudah sahaja, berkemungkinan dalam karya-karya kita itu tidak pernah ada pun pemikiran besar di dalamnya yang perlu diseminarkan, atau kita bukannya termasuk dalam golongan penulis mahakarya.

Dalam hal ini, Rejab F.I. mungkin sahaja termasuk dalam golongan penulis yang cukup bertuah, kerana pada 25 September yang lalu buah fikiran beliau di dalam karya, telah pun berjaya diselak oleh tujuh orang pengkritik sastera tanah air bagi diketengahkan untuk diserlahkan kepada masyarakat pembaca.

Majlis anjuran bersama Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Utara dengan kerjasama Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis yang berlangsung sehari suntuk di Dewan Seminar Pulau 1 IPG Perlis itu, telah dirasmikan oleh Pengerusi DBP Datuk Dr Md. Salleh Yaapar.

Prof. Datuk Rahman Shaari dalam ucaptamanya telah membongkar kembali sejarah penglibatan Rejab F.I. dalam dunia sastera melalui kertas kerja bertajuk *Rejab F.I. Mengharungi Sastera*. Enam kertas kerja lain

yang turut dibentangkan dalam seminar tersebut termasuklah yang disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Abdul Halim Ali (UPSI), Prof. Madya Dr. Rahimah Abdul Hamid (USM), A Rahim Abdullah (ASWARA), Sharif Shaari, Hasan Baseri Budiman (ZPNP) dan Roslan Chin (IPG Perlis).

Kesemua kertas kerja ini telah cuba menyelongkar pelbagai sudut pemikiran Rejab F.I yang terdapat di dalam karya-karya beliau. Rata-rata pembentang menyakini bahawa Rejab F.I. memang punya pemikiran besar dalam membantu membina karakter masyarakat melalui karya-karyanya.

Benarlah seperti yang dijelaskan oleh Md. Salleh Yaapar dalam ucapan perasmianya, bahawa Rejab F.I. memiliki mata yang cukup tajam ketika berbicara tentang masyarakat di dalam karyanya.

Beliau bukan sahaja berbakat menghasilkan cerpen, novel dan sajak malah berkebolehan menulis skrip drama televisyen yang semuanya digubah dengan bersumberkan kehidupan masyarakat sekelilingnya. Yang menariknya ialah kemampuan beliau dalam menggarap suatu bentuk penulisan sehingga mampu meruntun jiwa pembacanya.

Rahman Shaari pula dalam ucaptamanya telah menonjolkan kehebatan Rejab F.I. ini bukan sekadar terhadap kemampuan beliau melontarkan buah fikirannya kepada masyarakat, tetapi juga kemampuan penulis tersohor Perlis ini dalam membina imejnya sebagai penulis.

Menurut Rahman Shaari, orang akan mudah mengingati Rejab F.I. kerana orang mudah menemui karya-karyanya yang terlalu banyak di dalam pasaran.

Bukan senang untuk mengingati orang,

kalau jarang-jarang kita menemui penandanya. Namun Rejab F.I. sudah berjaya melakukannya apabila beliau menghasilkan beratus buah karya untuk menjadi penanda kewujudannya sebagai pengkarya yang boleh dikongsi bersama dengan khalayak pembacanya.

Ada suatu hal lagi yang menarik dalam menyelongkar pemikiran Rejab F.I. ini, iaitu tentang keterikatan dunia keguruannya di dalam karya.

Di dalam kertas kerja *Melihat Percikan Pemikiran Guru Dalam Karya-karya Rejab F.I.* keterserlahan Rejab F.I. sebagai seorang penulis yang masih terikat dengan dunia perguruan, jelas ditonjolkan apabila hampir keseluruhan gambaran penceritaan penulis ini dalam sembilan puluh peratus karya-karyanya, dikisarkan kepada alam pendidikan.

Sebenarnya bukan ramai guru seperti Rejab F.I. ini yang mampu melaksanakan tugas sebagai guru karyawan. Hal ini kerana kebanyakan guru hanya mampu membimbing murid agar dapat menemukan berbagai potensi yang dimilikinya, sehingga dengan pencapaian itu ia dapat tumbuh dan berkembang sebagai individu yang mandiri

Headline	Menyelak pemikiran Rejab F.I		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	13 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	459,793
Page No	22	Readership	1,854,000
Language	Malay	ArticleSize	493 cm ²
Journalist	HASSAN BASERI BUDIMAN	AdValue	RM 11,044
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,132

dan produktif, tetapi tidak ramai pula guru yang mampu membimbing masyarakat di luar sekolah untuk menjadi seperti itu.

Bertuahnya Rejab F.I kerana beliau adalah antara individu yang unik. Maksudnya, beliau adalah guru di dalam kelas dan beliau juga adalah guru kepada masyarakat di luar kelas. Tuhan bukan sekadar menganugerahkan sifat mendidik kepada Rejab F.I. sehingga boleh menjamin beliau menjadi seorang guru yang baik, tetapi juga menganugerahkan bakat menulis yang cukup besar untuk menjadi penyebar senario di sekolah kepada masyarakat di luar.

Rejab F.I. juga sebenarnya seorang penyair tanah air yang turut disegani. Kemampuannya membina puisi bukan sekadar pada tema dan persoalannya sahaja, tetapi pada gaya bahasa yang digunakannya juga. Dalam kertas kerja berjudul *Bahasa Retorik Rejab F.I. Dalam Menganyam Mimpi* keterserlahan ini dapat dilihat apabila kekuatan penyampaian puisi-puisi Rejab F.I. diserlahkan melalui retorik pemerian dan retorik naratif yang banyak terdapat dalam puisi-puisinya itu.

Hal yang hampir sama juga dibangkitkan dalam kertas kerja berjudul *Naratologi Dalam Deklarasi Belantara Karya Rejab F.I.* apabila pemikiran Rejab F.I. di dalam karya ini turut dilihat melalui perspektif naratologi naratif yang boleh membuktikan bahawa Rejab F.I. sebenarnya seorang sasterawan yang cukup teliti dan prihatin dalam memuaskan hati para pembaca yang pernah mentelaah karya-karyanya.

Kita seharusnya mengucapkan terima kasih kepada Rejab F.I. yang telah membantu melaksanakan tugasnya bukan sahaja sebagai guru tetapi juga sebagai karyawan yang turut memberikan percikan suara guru di dalam karya. Kita juga harus sedar, suara Rejab F.I. ini lahir di cerah-celah puluhan ribu suara guru lainnya yang pernah memberikan nilai-nilai yang cukup bermakna kepada bangsa dan negara. Semoga selepas pemikiran Azizi Haji Abdullah (2010), A. Rahmad (2012) dan Rejab F.I. (2013) ini diselongkar, akan ada seorang lagi penulis bermakna di utara ini yang fikirannya perlu diselongkar pula.

Headline	Menyelak pemikiran Rejab F.I		
MediaTitle	Mingguan Malaysia		
Date	13 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	459,793
Page No	22	Readership	1,854,000
Language	Malay	ArticleSize	493 cm ²
Journalist	HASSAN BASERI BUDIMAN	AdValue	RM 11,044
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,132

